

**MAJLIS ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI (MATEPM) 2014**  
29/01/2015

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

Assalamualaikum wbrt.  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem  
Menteri Sumber Manusia

YB Datuk Rosnah bt Abdul Rashid Shirlin  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YB Dato' Sri Ismail bin Abd Muttalib  
Timbalan Menteri Sumber Manusia  
Merangkap Pengerusi Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia

YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim  
Ketua Setiausaha, Kem. Sumber Manusia

YBhg Tan Sri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati  
sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran  
ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, maka Majlis  
Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2014 ini dapat disambut dalam  
suasana yang penuh bermakna pada petang ini.

2. Saya rasa masih belum terlewat untuk mengambil kesempatan ini bagi  
mengucapkan Selamat Tahun Baru 2015 kepada warga kemahiran sekalian.  
Walaupun sepanjang tahun 2014 negara kita telah dilanda pelbagai dugaan,  
namun kekuatan rakyat untuk bersama mengharungi cabaran-cabaran cukup  
terserlah. Semoga pada tahun ini yang lebih mencabar lagi, kita akan terus  
bersatu dengan semangat 1Malaysia bagi menjayakan perancangan dan  
program Kerajaan.

3. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri, yang telah diperkenalkan sejak tahun 1991, merupakan anugerah tertinggi dalam pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan, dan merupakan penghargaan kepada pelatih dan pekerja yang telah menonjolkan tahap kemahiran terbilang. Justeru saya berasa amat berbesar hati kerana sekali lagi saya diberi peluang untuk bersama warga kemahiran dalam majlis ini, bagi meraikan kejayaan serta pencapaian mereka pada tahun 2014.

Tuan-tuan dan puan-puan,

#### MENGARUSPERDANAKAN PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL

4. Menurut laporan The Global Competitiveness Report 2014-2015 Malaysia adalah Negara ke-20 berdaya saing daripada 144 buah negara, meningkat 4 anak tangga dari sebelumnya. Pencapaian ini mencerminkan bahawa Kerajaan telah berjaya merencana agenda pembangunan negara dengan rapi, dan efektif khususnya untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

5. Kerajaan sedar penjana modal insan dan sektor guna tenaga negara yang berkualiti tinggi, berpengetahuan, dan berkemahiran adalah syarat terpenting bagi mengukuhkan agenda transformasi bagi melonjakkan daya saing Negara, mengambil kira cabaran persekitaran ekonomi global yang semakin dinamik, dan tidak menentu hari ini.

6. Oleh itu, keupayaan negara melahirkan tenaga kerja mahir yang berpaksikan pengetahuan, inovasi dan kreativiti akan membantu ekonomi negara mengharungi dan menangani perubahan persekitaran dengan lebih berkesan.

7. Kerajaan telah menetapkan bahawa menjelang tahun 2020, sebanyak 50% daripada keseluruhan tenaga kerja di Malaysia akan terdiri dari kumpulan tenaga kerja mahir. Walaubagaimana pun, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, landskap komposisi guna tenaga di Malaysia pada suku tahun ketiga 2014, pekerja mahir negara masih rendah iaitu pada kadar 25 peratus

dari keseluruhan tenaga kerja, berbanding dengan negara Asia yang telah mencapai peratusan tenaga mahir melebihi 30 peratus seperti Singapura, Korea Selatan dan Taiwan.

8. Oleh itu, Kerajaan tekad memperkasakan lagi pembentukan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi di institusi-institusi pendidikan dan latihan kemahiran tempatan. Pada tahun 2014, Kerajaan telah memperuntukkan RM2.1 bilion, iaitu pertambahan peruntukan sebanyak hampir 15%, dari peruntukan RM1.8 bilion pada tahun 2010 untuk memperkukuh agenda dan program Transformasi Vokasional dan Teknik, penempatan pelajar di kolej-kolej teknikal dan vokasional swasta serta pelaksanaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT).

9. Peruntukan ini melibatkan 529 buah institut latihan kemahiran awam (ILKA), dan 1,217 buah institut latihan kemahiran swasta (ILKS) di seluruh negara.

10. Saya menyeru semua Kementerian dan agensi yang terlibat berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksana inisiatif ini bertujuan meningkatkan bukan sahaja bilangan, tetapi sama pentingnya, kualiti dan kebolehpasaran (employability) tenaga kerja mahir di dalam setiap bidang atau sektor ekonomi yang berkenaan.

11. Adalah penting pengisian yang dilaksanakan di setiap institusi latihan seperti modul program, masa latihan, prasarana dan peralatan serta kepakaran tenaga pengajar diberi tauliah dan pengiktirafan setaraf peringkat antarabangsa agar dapat menjamin tenaga mahir yang dihasil dan dibekalkan ke pasaran adalah bermutu tinggi dan mampu untuk 'make-a-difference' dalam setiap bidang di pasaran.

12. Turut penting adalah usaha menangani isu ketidaksepadanan pembekalan dan permintaan (supply and demand mismatch) tenaga mahir. Saya menyeru supaya satu plan perancangan bagi jumlah keperluan tenaga mahir yang diperlukan oleh setiap sektor industri, antaranya sektor telekomunikasi; minyak dan gas; pertanian; pendidikan; elektronik; infrastruktur dan lain-lain, diberi keutamaan untuk dihasilkan dalam masa yang terdekat ini.

13. Keseimbangan menghasilkan jumlah dan kualiti tenaga mahir yang mencukupi untuk setiap sektor ekonomi negara adalah cukup perlu, kerana ia akan memberi impak kepada prestasi produktiviti dan daya saing Negara. Saya berharap Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia menyelaras usaha perancangan ini dan disokong oleh Kementerian/agensi yang bertanggung-jawab bagi sektor masing-masing.

14. Di samping itu, peranan majikan juga adalah sangat penting dalam membantu menghasilkan tenaga kerja yang produktif. Berkaitan ini, di dalam Bajet 2015, Kerajaan akan menyediakan dana RM300 juta di bawah program 1Malaysia Globally Recognised Industry and Professional Certification atau dikenali sebagai 1MalaysiaGRIP bagi menggalakkan majikan, khususnya dalam sektor-sektor berimpak tinggi untuk melatih pekerja secara berterusan bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

#### MEMPERKASA BELIA MELALUI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL

15. Kerajaan sentiasa menyokong sumbangan belia dalam rantai modal insan bagi melengkapkan keperluan dan kekurangan tenaga kerja berkemahiran di dalam pasaran negara. Sungguhpun begitu, data terkini oleh KSM menunjukkan peratusan belia Malaysia yang mengikuti TEVT pada tahun 2013 adalah hanya sekitar 10 peratus sahaja, berbanding negara maju seperti Jerman (60%) dan (Finland 49%).

16. Justeru, Kerajaan akan terus menekankan program-program menggalakkan masyarakat, khususnya ibu-bapa dan belia, menilai dan menerima bidang teknikal dan vokasional sebagai peluang kerjaya yang menjamin masa hadapan, dan menawarkan pendapatan yang lumayan.

17. Dari tahun 2001-2014, terdapat hampir 3 juta peluang pekerjaan untuk tenaga penuh dan separa mahir dijana di Malaysia, dan hari ini pasaran kerja di

Malaysia sememangnya memerlukan ramai tenaga kerja yang berkemahiran. Tambahan lagi, struktur gaji bagi pekerja mahir yang memiliki Sijil dan Diploma kemahiran semakin baik, dan ini terbukti apabila purata gaji tenaga mahir yang memiliki tahap Sijil meningkat 12% kepada RM2,108 sebulan pada tahun 2014 berbanding tahun 2010; manakala purata upah bagi pemegang Diploma turut meningkat 7.1% kepada RM2,840 sebulan dari tahun 2010.

18. Oleh itu, saya menyeru semua Kementerian dan agensi yang terlibat menyediakan pelan tindakan yang padu untuk menarik minat dan menggalakkan belia menyertai bidang teknikal dan latihan vokasional sebagai satu kerjaya tetap, dan bukan sebagai pilihan yang terakhir.

Tuan-tuan dan puan-puan,

#### PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN NEGARA DI PERTANDINGAN KEMAHIRAN

19. Dalam melengkapkan agenda memperkasakan bidang kemahiran khususnya di kalangan belia, saya dimaklumkan bahawa penganjuran pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan seperti Worldskills Youth Malaysia telah dilaksanakan melalui strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya.

20. Saya difahamkan penyertaan belia di dalam pertandingan ini pada tahun 2014 meningkat kepada 2,694, iaitu hampir 20% dari tahun sebelumnya. Ini adalah perkembangan yang cukup baik, dan saya berharap semua agensi latihan kemahiran awam dan swasta, kolej dan universiti mengambil peluang dan mendorong pelajar dan belia untuk menyertai pertandingan ini.

21. Di kesempatan ini juga, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada kontingen Malaysia yang menyertai ASEAN Skills Competition (ASC) 2014 di Vietnam pada Oktober 2014. Ia merupakan pencapaian terbaik negara dengan pungutan 9 pingat emas, 4 pingat perak, 4 pingat gangsa dan 17 pingat cemerlang. Tahniah dan syabas!

22. Saya pasti kejayaan ini akan menjadi inspirasi bagi Malaysia yang akan

menjadi tuan rumah bagi ASC bersekali dengan Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) pada tahun 2016. Saya menyeru semua kementerian untuk sama-sama membantu dan menyokong usaha yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya bagi menjayakan ASC 2016.

23. Kerajaan turut berharap lebih banyak Government Linked Company (GLC), syarikat swasta dan pihak industri untuk tampil memberikan sokongan padu melalui penajaan pertandingan, promosi serta persediaan latihan peserta dan keperluan berkaitan. Sehubungan ini, Kerajaan menghargai peranan Proton Holdings yang terus komited menjadi rakan strategik utama dalam memperkasakan bidang kemahiran melalui Pertandingan Kemahiran Malaysia.

24. Kerajaan turut berharap prestasi baik dalam pertandingan yang telah diadakan menjadikan satu dorongan bagi peserta-peserta negara yang akan menyertai World Skills Competition (WSC) 2015 di Sao Paulo, Brazil pada bulan Ogos nanti. Kerajaan mengucapkan selamat maju jaya, dan semoga berusaha menempa kejayaan yang cemerlang!

Tuan-tuan dan Puan-puan,

25. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi syabas dan tahniah kepada peserta-peserta yang berjaya serta peserta yang berjaya dianugerahkan Anugerah Tangan Emas dalam pertandingan kali ini. Kepada peserta-peserta yang belum berjaya, ini hanyalah satu permulaan dan teruskan usaha untuk mencapai keunggulan pada masa hadapan. Anda semua merupakan bakal pekerja mahir yang terbaik di negara kita.

26. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada YB Menteri Sumber Manusia dan YB Menteri Kerja Raya dan warga kementerian masing-masing kerana berjaya menganjurkan acara tahunan yang amat bermakna ini.

27. Sekian. Terima kasih. Wassalam WBT.